

.myNIC

GO ONLINE GO.MY

LAPORAN TAHUNAN 2015

© 2014 - 2015 MYNIC BERHAD. Semua hak cipta terpelihara.

Semua harta intelek tidak terhad kepada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, pengetahuan termasuk susun atur imej dan kandungan yang terkandung di dalam ini adalah kepunyaan MYNIC Berhad. Sebarang pengeluaran semula, pengubahsuaian, pengedaran atau penyiaran semula kandungan tanpa kebenaran bertulis adalah dilarang.

Semua harta intelek yang terdapat dalam halaman ini adalah hak milik pemilik. Sebarang hak yang tidak diberikan secara nyata dalam dokumen ini adalah terpelihara

Diterbitkan oleh

MYNIC BERHAD
Mines Waterfront Business Park, No.3, Jalan Tasik, Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

t: **+603 8943 5510** | f: **+603 8943 5520** | e: **corpcom@mynic.my** | **www.mynic.my**

Berhubung dengan MYNIC Berhad

ISI KANDUNGAN | CONTENTS

TENTANG MYNIC	6
MAKLUMAT KORPORAT	10
STRUKTUR ORGANISASI	11
LEMBAGA PENGARAH	14
PENGURUSAN KANAN	15
PERUTUSAN DARI PENGERUSI	18
PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI OPERASI	20
SEPINTAS LALU PENCAPAIAN 2015	22
URUS TADBIR KORPORAT	24
RANGKUMAN AKTIVITI 2015	
PROGRAM MYNIC	
MYNIC STRIKERS	28
MYFIDELE	29
MYLIFE	33
MYBUDDIES	34
PENGLIBATAN HARI KEBANGSAAN	
LARIAN SEHATI SEJIWA	37
FIESTA BLOGSHOP	38
PRODUK	
MYNIC LANCAR BISNES ONLINE BUNDLE	39
PROGRAM BERSAMA KKMM	
HARI SUKAN NEGARA	40
PERTANDINGAN BOLING BERSAMA KKMM	40
PAMERAN	41
SEMINAR	44
WAKIL JUALAN MYNIC	46
SISTEM PENGURUSAN DOMAIN	47
LAPORAN KEWANGAN	50

TENTANG MYNIC

MISI, VISI & FUNGSI UTAMA

SIAPA
KAMI, VISI & MISI

MYNIC Berhad adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

MYNIC merupakan pentadbir tunggal untuk semua alamat web yang berakhir dengan .my di Malaysia. Sebagai Nama Domain Nasional, MYNIC memberikan keunikan identiti jenama kepada organisasi dan individu Malaysia di internet

VISI: Untuk menjadi pembekal pendaftar dan perkhidmatan alamat internet yang paling inovatif di rantau Asia Pasifik.

MISI: Cemerlang dalam perkhidmatan pendaftar internet di Malaysia untuk mencipta identiti yang unik kepada komuniti internet.



FUNGSI UTAMA

1. Pentadbir tunggal nama domain di Malaysia (ccTLD) yang melibatkan pendaftaran nama domain, penyelenggaraan dan operasi nama domain .my.
2. Penggerak teknologi dan pembangunan polisi nama domain.
3. Pemangkin perniagaan dalam talian di Malaysia melalui platform e-dagang, latihan keusahawanan kepada para pelajar, wanita, IKS dan orang awam

MYNIC mentadbir lapan (8) kategori nama domain iaitu :

1. **.my** - bagi individu dan semua organisasi di Malaysia
2. **.com.my** - organisasi/aktiviti komersil
3. **.net.my** - organisasi/aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian
4. **.org.my** - organisasi/aktiviti yang tidak layak dalam kategori lain
5. **.gov.my** - agensi kerajaan Malaysia sahaja
6. **.edu.my** - institusi pendidikan Malaysia sahaja
7. **.mil.my** - agensi ketenteraan Malaysia sahaja
8. **.name.my** - bagi individu warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia sahaja

MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG


LATAR BELAKANG

Nama Syarikat	: MYNIC Berhad (735031-H)
Diperbadankan	: 24 Mei, 2006
Alamat Tetap	: Aras 3, Blok C, Mines Waterfront Business Park No. 3, Jalan Tasik, The Mines Resort City 43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia
Alamat Pendaftaran	: Suite C-5-4, Wisma Goshen Plaza Pantai, Jalan Pantai Baru 52200 Kuala Lumpur, Malaysia
Setiausaha Syarikat	: AAJ Management Services Sdn Bhd


.my

153,807

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015



STRUKTUR ORGANISASI



BARISAN KEPIMPINAN

LEMBAGA PENGARAH & PENGURUSAN KANAN



LEMBAGA PENGARAH

01 YBHG. DATUK BRIDGET ANNE CHIN HUNG YEE

02 YAB DATO' SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD

03 YBRS. EN. NIK ABDUL AZIZ NIK YAACOB

04 YBR. CIK SUZANNA LIM WEI LOONG

05 YBHG DATUK WIRA ROSLI HASAN

06 YM RAJA ISKANDAR SHAH BIN RAJA ISKANDAR IBRAHIM SHAH

.com.my

126,462

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015

2014	**134,767**
2013	130,018
2012	111,536
2011	97,921



PENGURUSAN KANAN

07 **HASNUL FADHLY HASAN**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

08 **NORSUZANA HARUN**
KETUA PEGAWAI OPERASI

09 **NORZAITON SENUSI**
KETUA PEGAWAI KEWANGAN

10 **TALIB SABRI SULAIMAN**
KETUA PEGAWAI STRATEGI

.net.my

2,564

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015

2014	**2,734**
2013	2,713
2012	2,752
2011	2,764

PERUTUSAN

PENGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PERUTUSAN DARI PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



DATUK BRIDGET ANNE CHIN HUNG YEE
Pengerusi

Terlebih dahulu bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengalu-alukan kehadiran YAB Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed sebagai sebahagian ahli lembaga pengarah MYNIC. Semestinya kehadiran beliau yang kaya dengan pengalaman dan luas pengetahuan akan memberi kekuatan kepada pasukan kita.

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ini kita masih mampu bertahan dan membuktikan bahawa kewujudan MYNIC masih relevan lagi. Ini membuatkan saya terfikir bahawa bagaimana sesebuah organisasi itu berjaya untuk kekal bertahan dengan memastikan dapat memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang dan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam dunia hari ini.

MYNIC yang pada awalnya ditubuhkan hanya untuk mentadbir nama domain .my kini ia telah berkembang pesat sejak beberapa tahun ini dan kini tumpuan kita telah diperluaskan sebagai pemangkin perniagaan dalam talian di Malaysia melalui platform e-dagang, latihan keusahawanan kepada para pelajar, wanita, IKS dan orang awam.

Pada tahun 2015 ini kita banyak memfokuskan untuk membantu

.org.my

3,979

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015

2014	**4,024**
2013	2,980
2012	2,765
2011	2,613

usahawanusahawan internet dengan memberikan perkhidmatan melalui solusi dalam bidang ICT untuk meningkatkan perniagaan di internet dengan lebih meluas.

Dikesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih seluruh Lembaga Pengarah kepada KMM yang sentiasa menyokong pembangunan MYNIC, pemimpin kanan dan juga semua staf MYNIC yang berterusan berdaya saing dalam memastikan pencapaian MYNIC sepanjang tahun2015.

Dengan itu, saya berharap kejayaan akan terus bersama kita untuk tahun 2016.

.gov.my

1,082

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015

2014	**1,062**
2013	1,102
2012	1,158
2011	1,087

PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI OPERASI



HASNUL FADHLY HASAN
Ketua Pegawai Eksekutif



Anjakan paradigma sepanjang tahun 2015 menyaksikan kita semakin memperluaskan horizon syarikat kita. Kita berusaha dengan beralih daripada menjaga nama domain .my kepada menyediakan ekosistem. Antaranya adalah ekosistem untuk perniagaan dan gaya hidup dengan menyediakan solusi hosting laman sesawang, emel dan dari segi keselamatan.

Selain itu, kita turut mengambil berat tentang pelanggan MYNIC yang selama ini sentiasa bersama-sama dengan kita. Pelbagai program telah kita perkenalkan untuk menghargai pelanggan-pelanggan MYNIC antaranya adalah seperti program .myFidele, .myLife dan MYNIC Strikers serta penganjuran Sehati Sejiwa untuk



mendekatkan lagi masyarakat umum dengan MYNIC. Semua program ini dirangka khusus untuk memastikan penglibatan bersama pelanggan MYNIC supaya kita dapat membina hubungan secara terus dengan mereka.


Melalui program-program yang kita laksanakan ini, jelas menunjukkan bahawa domain .my masih relevan dengan masyarakat terutama dalam kalangan syarikat perniagaan dalam talian. MYNIC akan sentiasa menawarkan pelbagai program dan produk untuk membantu usahawan-usahawan dalam talian ini ke tahap lebih tinggi dalam perniagaan internet.

Terima kasih untuk inisiatif semua kakitangan MYNIC untuk pencapaian tahun 2015 dan saya berharap kejayaan demi kejayaan untuk tahun 2016 nanti.

.edu.my


2,741

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015



SEPINTAS LALU **PENCAPAIAN 2015**


Jumlah Nama Domain 2011-2015





Jumlah Nama Domain 2015 = 321,794


Statistik Jumlah Nama Domain Dari Tahun 2011-2015:


TAHUN	JUMLAH DOMAIN	.MY	.COM.MY	.NET.MY	.ORG.MY	.GOV.MY	.EDU.MY	.MIL.MY	.NAME.MY
2015	**321,794**	**153,807**	**126,462**	**2,564**	**3,979**	**1,082**	**2,741**	**22**	**31,137**
2014	269,340	113,811	134,767	2,734	4,024	1,062	3,701	21	9,220
2013	192,533	51,721	130,018	2,713	2,980	1,102	3,083	24	892
2012	208,936	87,488	111,536	2,752	2,765	1,158	2,923	25	289
2011	145,990	39,050	97,921	2,764	2,613	1,087	2,137	17	401








jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.net.my
tahun
2,764 2011
2,752 2012
2,713 2013
2,734 2014
2,564 2015


jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.org.my
tahun
2,613 2011
2,765 2012
2,980 2013
4,024 2014
3,979 2015


jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.gov.my
tahun
1,087 2011
1,158 2012
1,102 2013
1,062 2014
1,082 2015


jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.edu.my
tahun
2,137 2011
2,923 2012
3,083 2013
3,701 2014
2,741 2015


jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.mil.my
tahun
17 2011
25 2012
24 2013
21 2014
22 2015


jumlah nama domain
berdaftar di bawah
.name.my
tahun
401 2011
289 2012
892 2013
9,220 2014
31,137 2015

URUS TADBIR **KORPORAT**

Enterprise Risk Management (ERM)

Dalam usaha meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan operasi syarikat, MYNIC berusaha melaksanakan tadbir urus korporat yang baik. Oleh itu, MYNIC telah membangunkan satu rangka kerja pengurusan risiko yang dikenali sebagai Pengurusan Risiko Syarikat atau *Enterprise Risk Management* (ERM) sebagai alat untuk Lembaga Pengarah menguruskan secara proaktif profil risiko utama syarikat secara berterusan.

Ia merupakan satu keperluan penting untuk rangka kerja dipantau secara berterusan untuk memastikan penyesuaian dan daya tahan dengan sebarang risiko perubahan. MYNIC mempunyai struktur organisasi yang baik, had bidang kuasa, Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO, dasar-dasar dan prosedur jabatan untuk menguruskan risiko yang timbul dalam operasi hariannya, MYNIC juga mengekalkan Risiko Pendaftar dan Profil setelah melalui proses Pengurusan Risiko Syarikat (ERM) seperti berikut:-


- Kesedaran Risiko & Menetapkan Parameter untuk Penilaian Risiko
- Mengenal pasti Risiko
- Pentaksiran/Penilaian Risiko
- Profiling Risiko & Rawatan Risiko
- Pemantauan Pengurusan Risiko & Laporan

Jaminan Kualiti memainkan peranan penting dalam pengumpulan daftar risiko yang dikemaskinikan dan dalam penyediaan laporan risiko pengurusan.

.mil.my

22

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015





Information Security Management System (ISMS)


Selain itu, MYNIC telah diperakui untuk Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau *Information Security Management System* (ISMS) pada 20 April 2012 dengan skop pensijilan yang melibatkan keseluruhan operasi MYNIC untuk Mentadbir Ruang Nama bagi .my *Top Level Domain* (TLD) Melibatkan Pendaftaran Nama-Nama Domain, Penyelenggaraan dan Operasi Pendaftaran Nama Domain. Skop pensijilan ini kekal tidak berubah untuk pensijilan semula dan menaik taraf kepada audit versi 2013 oleh Badan Pensijilan (SIRIM QAS International Sdn Bhd) pada tahun 2015 yang telah dijalankan pada 9 dan 10 April 2015. MYNIC berjaya lulus audit pensijilan semula setelah melalui proses-proses berikut:-

- ISMS pemahaman + migrasi kepada versi 2013
- ISMS risiko penilaian dan rawatan
- ISMS audit dalaman
- ISMS audit badan pensijilan

.name.my

31,137

jumlah domain berdaftar pada tahun 2015



RANGKUMAN AKTIVITI

MYNIC STRIKERS



PENCARIAN BINTANG BOLING MALAYSIA MELALUI PROGRAM *MYNIC STRIKERS*

MYNIC juga turut melancarkan satu program realiti sukan *MYNIC Strikers* untuk pembangunan belia dalam platform kreatif melalui aktiviti - Boling. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan golongan belia yang mempunyai minat yang tinggi dan berpotensi dalam sukan boling melalui platform *MYNIC Strikers*. Ia bertujuan untuk melahirkan lapisan pemain muda yang berjaya bukan sahaja dalam bidang kesukanan tetapi secara todak langsung dalam bidang pembangunan kerjaya ICT. Dengan mengemas kini dan berkongsi gambar, strategi permainan, kemahiran dan tips menggunakan media sosial, ia percaya untuk memanfaatkan platform internet secara keseluruhan.

MYNIC Strikers 2015 telah diadakan di tujuh lokasi yang berbeza di seluruh Malaysia. Peringkat kelayakan telah dimulai di wilayah timur ke Wilayah Utara, Wilayah Selatan dan Wilayah Tengah. Seterusnya persaingan peringkat akhir telah dilakukan di U-Bowl Mesra Mall, Kemaman, Terengganu. Juara *MYNIC Strikers* 2015 menerima RM 10,000 dan naib juara menerima RM 2,500. Sementara setiap pemenang pada peringkat awal menerima RM 250.

MYNIC Strikers mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada peserta seluruh Malaysia dan seramai 319 peserta telah bertanding dalam program realiti *MYNIC Strikers*. Selepas enam kelayakan awal, hanya sepuluh peserta dapat memasuki ke peringkat akhir.

Program yang telah dihoskan selebriti terkenal tanahair Kieranto Marcello, yang juga merupakan deejay bagi radio Sinar FM akan disiarkan di saluran Youtube selama 10 episod.

Senarai Pemenang

Juara : Wan Mohamad Syafiq Bin Wan Azli
Tempat Kedua: Equine Lam

1. Pusingan Kelayakan Terengganu
   Wan Mohamad Syafiq Bin Wan Azli
   Score:384
2. Pusingan Kelayakan Penang
   Mohamad Nazmi Bin Mohamad Mazli
   Jatuhan Pin: 483
3. Pusingan Kelayakan Perak
   Muhamad Syazly
   Jatuhan Pin: 347
4. Pusingan Kelayakan Johor
   Chan Wei Siang
   Jatuhan Pin: 461
5. Pusingan Kelayakan Melaka
   Al Hafiz Bin Abd Rashid Chaw
   Jatuhan Pin: 410
6. Pusingan Kelayaka Putrajaya
   Nik Mohd Noor Firdaus B. Md Saad
   Jatuhan Pin: 401







PROGRAM MYFIDELE – *'BECAUSE YOU MATTER TO US'*

Untuk memastikan kesetiaan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan syarikat bukanlah sesuatu yang mudah. Maksud kesetiaan pelanggan adalah kesediaan syarikat untuk terus berusaha dalam memastikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan masih bersesuaian dan relevan dengan kehendak pelanggan. Bukan itu sahaja syarikat perlu memastikan hubungan dengan pelanggan sentiasa baik dan berterusan iaitu melalui pembelian yang berterusan daripada pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan syarikat tersebut dan sehingga berlakunya proses percambahan di mana pelanggan sanggup membuat cadangan produk atau perkhidmatan tersebut kepada keluarga mahupun rakan-rakan mereka.

Oleh itu, dalam usaha untuk memastikan kesetiaan pelanggan sedia ada, MYNIC telah melancarkan satu program khas untuk para pelanggan MYNIC iaitu myFidele - dengan slogan *Because You Matter To Us*. 'Fidele' yang bermaksud 'setia' dalam bahasa Perancis dan program ini direka bagi menghargai para pelanggan MYNIC di atas kesetiaan dan sokongan terhadap produk dan perkhidmatan MYNIC. Konsep program ini adalah menang melalui kesetiaan atau *Winning Through Loyalty* yang membolehkan para pelanggan menerima ganjaran apabila memperbaharui nama domain .my.

Program myFidele diadakan sebanyak dua pusingan setiap tahun yang mana ia memperkenalkan tiga kategori dalam menghargai pelanggan mereka iaitu myFidele *Surprise*, myFidele *Gold* dan myFidele *Rewards*. Kategori myFidele *Surprise* direka untuk pelanggan yang memperbaharui nama domain .my mereka dan mendapat peluang untuk dipilih sebagai pemenang myFidele *Surprise* menggunakan konsep cabutan bertuah. Kategori *myFidele Gold* mensasarkan kepada pelanggan yang telah bersama-sama dengan MYNIC lebih dari sepuluh tahun. Manakala kategori *myFidele Rewards* pula adalah rebat yang diberikan kepada pelanggan yang mempunyai lebih daripada 20 nama domain dan mereka memperbaharui semua nama domain tersebut.

Bertemakan Rumah Terbuka Aidilfitri Jalinan Mesra Bersama MYNIC, pusingan pertama program .myFidele telah berlangsung pada 14 Ogos 2015 di Saloma Bistro, Kuala Lumpur. Semua finalis bagi setiap kategori hadir pada majlis tersebut. Para finalis telah dipilih berdasarkan pembaharuan nama domain dari Januari hingga Julai 2015.

Akhbar digital dan cetak Bahasa Inggeris, thestar.com.my telah dipilih memenangi hadiah utama bagi myFidele *Gold* di atas kesetiaan selama lebih 14 tahun. Bagi pemilik arstudios.com.my pula ia merupakan hari yang bertuah kerana mereka memenangi myFidele *Surprise* dan Petronas Dagangan Berhad menerima rebat berjumlah RM16,000 bagi kategori myFidele *Rewards*. Berikut adalah senarai pemenang pusingan pertama bagi setiap kategori:

MYFIDELE







PROGRAM MYFIDELE – *'BECAUSE YOU MATTER TO US'*

MyFidele Gold

1. thestar.com.my – Star Publications (Malaysia) Bhd
2. ipb.edu.my – Institut Profesional Baitulmal
3. kdc.com.my – Koh Design Consultants
4. rk.com.my – RK Success Trading
5. cfbt.com.my – CfBT Multimedia Education Sdn Bhd

MyFidele Surprise

1. arstudios.com.my – AR Photostream
2. childrenslibrary.my – Mr. Yaw Eng Yong
3. binaryfusion.com.my – Binary Fusion Sdn. Bhd.
4. winhope.com.my – Winhope Management Sdn Bhd
5. globaldensity.com.my – Global Density Sdn. Bhd.
6. nottingham.my- The University of Nottingham Malaysia Campus
7. mutiarakitchen.com.my – Mutiara Rich Resources
8. concretecut.com.my – Concrete Cut Marketing Sdn. Bhd.
9. pro96.com.my – Proweld Engineering Sdn. Bhd.
10. mediplus.com.my- Mediplus Synergy
11. myfood.my – Smart Global Media Sdn. Bhd.
12. bubbagump.com.my- NZ Citta Sdn. Bhd.
13. iwannafeelgood.my – De Jeroy Enterprise
14. sop.name.my – Mohd Shukri Ngah
15. bisnestek.my – Zainal Ariffin Zakaria
16. jetson.com.my – Kumpulan Jetson Berhad
17. pakdi.my – Suzardi Maulan
18. asra.my - Abdul Salim Fazlay Rahman
19. futuremakers.my - Hasan Hadli Sadri
20. businesscard.my - Kuan Chong Ng
21. adam.my - Jailany Jaafar
22. host.name.my - Mujahiddin Janapi
23. blograkyat.my - Rentak Setia Sdn Bhd
24. propertyblog.my - Alvin Yong Onn Soon
25. bakka.my - Muhammad Zhafran Mat Dawam

MyFidele Reward

1. Petronas Dagangan Berhad
2. Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd
3. 3M Malaysia Sdn Bhd
4. ACME COMMERCE SDN BHD
5. ADAJAYA MARKETING
6. Affin Investment Bank Berhad
7. Ministry of Youth and Sports Malaysia
8. Amazon Int'l., Inc.
9. Astro Digital 5 Sdn. Bhd.
10. Astro GS Shop Sdn. Bhd.
11. Bayer (Malaysia) Sdn.Bhd
12. Bayer (Malaysia) Sdn.Bhd
13. CIMB Investment Bank Berhad
14. CREATIVE BUGS TECHNOLOGIES SDN BHD
15. Culture Medium Design
16. Driven Communications Sdn Bhd





PROGRAM MYFIDELE – *'BECAUSE YOU MATTER TO US'*

Pusingan kedua pula telah diadakan di Sunway Lagoon pada 6 Disember 2015 dengan konsep *A Moment To Remember.* Seramai 27 pelanggan bertuah telah diraikan dalam suasana yang santai dan menghiburkan di taman tema Sunway Lagoon tersebut. Mereka merupakan pelanggan-pelanggan setia MYNIC yang telah dipilih awal berdasarkan 3 kategori myFidele. Pemilihan mereka adalah menerusi pembaharuan nama-nama domain dari bulan Ogos – November 2015. Berikut adalah senarai nama pemenang bagi pusingan kedua bagi setiap kategori:

MyFidele Gold

1. kolejbandar.edu.my – Tan Ming Teck
2. spca.org.my – Wong Ee Lynn
3. sksbs.edu.my – Rashdan Abd Razak
4. utusan.com.my – Mohd Zahari Mat Amin
5. damai.org.my – Vesalatchi a/p Chelladurai

MyFidele Surprise

1. mylove.name.my – Solehan Abd Rahman
2. precious.name.my – Mohd Syahiezam bin Mohd Tahir
3. beameron.com.my – Manivannan Manickam
4. emctwo.com.my – Ronald Lim Kok Weng
5. camellia.my – Khairul Radzi Ab Razak
6. zya.my – Zulkifli Othman
7. accessideas.com.my – Mohd Fauzan Othman
8. glamourex.com.my - Muhammad Syuhairi Bin Mohamed Zahuri
9. unitechnic.com.my - Mohd Anas Yusof
10. tipskerjaya.my - Megat Syafferizul
11. annalesya.my - Azran Bin Abd Latif
12. kzeng.com.my - Tam Ong Peng
13. suffymilk.com.my - Muhammad Aizuddin bin Mohd Zamrin
14. butikinfiniti.com.my - Shahid Abdullah
15. freshmagazine.com.my - Mohd syahmi bin Yem
16. websirs.my - Muhammad Faiz Mohd Hassan
17. bukupendidikankhas.my - Amir Helmi
18. 1800.my - Jason Goh Cheng Teck
19. food4u.my - Nik Mohd Aminuddin Bin Nik Ismail
20. karyamedia.com.my - Muhammad Johari b Rahmad
21. b17.my - Mohd Firdaus Misroni
22. idia.my - Hafiz Bin Fauzi
23. dx.my - Tengku Muhammad Fauzan Bin Tengku Noor Afandi
24. english-proofreader.my - Siti Zahidah Hussin
25. doctorcompany.my - Michael Lim Chong Wei

myFidele Reward

1. Serai Solution
2. TTT Creative Technologies
3. Brillante Insights Sdn Bhd
4. Amaxim Global Solutions Sdn Bhd

MYFIDELE



MYFIDELE FUTSAL CHALLENGE 2015

MYNIC telah menganjurkan pertandingan futsal bersempena dengan program myFidele yang diberi nama myFidele *Futsal Challenge* 2015. Inisiatif ini diambil untuk meningkatkan semangat kesukanan dan pengamalan gaya hidup yang sihat di samping mengukuhkan hubungan rapat antara MYNIC dan juga para pelanggan.

Pertandingan ini telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan dari peminat-peminat sukan futsal namun hanya 16 kategori lelaki dan 5 kategori perempuan yang terpilih untuk memasuki pertandingan ini.

Pemenang untuk pertandingan ini menerima wang berjumlah RM2,000 dan juga medal. Berikut adalah senarai nama pemenang bagi kategori lelaki dan perempuan:

Kategori Lelaki

Pemenang : Glory Bersatu
Tempat keduaT : RJ Capero FC

Penjaring terbanyak : Kelvin (Glory Bersatu, 9 gol)

Kategori Perempuan :

Pemenang : Mix FC
Tempat kedua : Phoenix FC

Penjaring terbanyak : Zurain (Phoenix FC, 9 gol)

Jersi terbaik : Sport Affairs Yang Titans



PROGRAM *MYLIFE* BAGI MENGHARGAI PELANGGAN BARU MYNIC

.myLife adalah satu lagi program yang turut dilancarkan oleh MYNIC pada tahun 2015. Objektifnya adalah untuk menghargai para pelanggan baru MYNIC yang telah mendaftar domain .my dari 1 Jan 2015 sehingga 25 Oktober 2015.

Pelaksanaan program itu adalah berdasarkan pemilihan seramai 40 orang pendaftar baru daripada keseluruhan jumlah yang telah mendaftar domain .my bagi jangkamasa 1 Januari sehingga 25 Oktober 2015. 40 pendaftar baru yang terpilih dijemput untuk menyertai Hari Penghargaan Pelanggan tersebut. Program ini juga telah dilaksanakan sebanyak dua pusingan dan mendapat kerjasama daripada pihak MYDIN.

Pusingan pertama telah diadakan di pusat beli belah MYDIN USJ di Selangor pada 15 Ogos 2015. Seramai 40 peserta yang terpilih hadir ke pusingan pertama ini dan pemenang hadiah utama dibuat menerusi cabutan bertuah. Untuk pusingan ini pemenang adalah pemilik nama domain janganlupa.my iaitu Lau Sian Lerk yang mana beliau telah menerima hadiah sebuah motorsikal baru jenama SYM VTS 200.

Pusingan kedua pula telah berlangsung pada 31 Oktober 2015 bertempat di pusat beli belah MYDIN Seremban 2, Negeri Sembilan. Untuk pusingan ini pemilik nama domain haslinah.my iaitu Haslinah Abdul Halil telah berjaya memenangi hadiah sebuah kereta baru jenama Perodua Axia.

Menerusi Hari Penghargaan Pelanggan ini MYNIC berharap dapat mempromosikan kelebihan mempunyai nama domain .my dan secara tidak langsung dapat menarik minat masyarakat untuk memiliki identity yang unik dan tersendiri dalam talian di kalangan komuniti internet. Seterusnya dapat meningkatkan pendaftaran nama domain .my yang baru dari semasa ke semasa.

MYBUDDIES



.MYBUDDIES FIESTA

.myBuddies Fiesta telah berlangsung pada 22 Mac 2015 bertempat di Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur. Acara yang bermula pada pukul 7.00 pagi dan berakhir 7.00 malam telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Rizalman bin Dato' Mokhtar, Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang program *myBuddies* anjuran MYNIC yang mana ia menekankan kepentingan pemilikan domain .my kepada masyarakat umunya dan kepada peniaga online secara khasnya.

Seramai lebih 2,000 pengunjung telah menghadiri program ini yang mana pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sebagai pengisian program ini seperti aktiviti futsal, paintball, mewarna batik, pertandingan erobikton dan Senam 1Malaysia. Di samping itu acara cabutan bertuah juga turut diadakan. Selain itu, aktiviti seperti persembahan kebudayaan dan kesenian serta persembahan artis turut diadakan untuk menghiburkan semua peserta dan pengunjung *.myBuddies Fiesta.*

RUN WITH .MY

Program *Run With .MY* telah berlangsung di Stadium Putra Bukit Jalil, yang dibawakan oleh MYNIC dengan kerjasama Majlis Belia Wilayah Persekutuan (MBWP) telah disertai hampir 700 orang peserta. Acara yang telah berlangsung pada 3 Mac 2015 lalu diadakan khas untuk masyarakat Malaysia dan mencabar diri mereka dan untuk bersenam secara santai bersama-sama dengan ahli keluarga atau rakan-rakan.

Bagi memastikan objektif MYNIC tercapai, setiap peserta turut menerima dua nama domain .my bagi menggalakkan pembentukan identiti peribadi dalam talian. Pemberian domain ini bukan hanya tertumpu pada pembinaan laman web sahaja malahan inovasi baru yang dibawakan oleh MYNIC ini, nama domain .my ini juga boleh dipetakan secara terus ke laman sosial masing-masing.

Selain daripada itu hadiah-hadiah menarik turut diberikan kepada pemenang seperti 3 motosikal, 2 basikal BMX, *Smartphone* dan hamper.



RUN FOR SOLIDARITY

Run For Solidarity telah berlangsung pada 26 April 2015, di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. Acara yang disertai lebih 2,000orang ini dianjurkan oleh Pergerakan Wanita UMNO dan juga MYNIC melalui program myBuddies program, yang merupakan rakan strategik untuk acara ini.

Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan para peserta mengenai program *myBuddies* dan manfaat daripada program ini. Larian yang terbahagi kepada kategori 5km dan 10km telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil & Ketua Setiausaha KKMM, YBhg Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad

MYBUDDIES RUN 2015

Aktiviti larian telah menjadi satu trend yang sihat di kalangan rakyat Malaysia dan ia telah terbukti apabila seramai 5,300 orang telah mengambil bahagian dalam satu acara akhir tahun anjuran MYNIC iaitu myBuddies Run. Program ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan MYNIC dalam menyokong inisiatif pembangunan negara dan menggalakkan gaya hidup atas talian.

Acara yang dijayakan di Cyberjaya, Selangor ini merupakan acara larian yang unik kerana membawa tema yang berlainan iaitu larian bertopeng. Trek laluan merangkumi 3 kategori yang berbeza iaitu 3km, 5km dan juga 10km yang meliputi Persiaran Semarak Api, Persiaran Apec dan Persiaran Ceria.

Acara pelepasan telah dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC iaitu YBhg. En. Hasnul Fadhly Hasan. Walaupun cuaca hujan di awal pagi namun ia tidak menghalang semangat setiap peserta untuk berlari. Malahan sebahagian mereka turut membawa ahli keluarga dan rakan-rakan untuk menemani mereka.

Terdapat beberapa peserta yang berani memakai topeng yang unik seperti karakter *Darth Vader* dan *Strom Trooper* yang diambil dari siri *Star Wars*, *Spiderman*, *Batman* dan pelbagai lagi yang

MYBUDDIES



menarik dan kreatif.

Elemen keseronokan turut disuntik dalam program *myBuddies Run* ini dengan menawarkan hadiah wang tunai untuk pemenang 10km, 10 pelari awesome dan 70 pelari berdaftar bertuah. Lebih menarik apabila hadiah-hadiah cabutan bertuah terdiri daripada 2 unit Perodua Axia, 3 unit motosikal dan 5 unit basikal.

Selain itu, jualan trak makanan dan carboot sale daripada usahawan dalam talian juga merupakan aktiviti sampingan yang disediakan. Persembahan daripada artis-artis tempatan seperti Winnie K, Awi Rafael, Annisa Al Idrus, Amyra Rosli dan Ayai Ilusi turut memeriahkan program ini.

Sebagai sebahagian daripada objektif MYNIC untuk menggalakkan gaya hidup dalam talian yang aktif, semua para peserta turut berpeluang menerima dua nama domain .my atau *antivirus F-Secure*.

KOLEJ KOMUNITI HULU SELANGOR (KKHS) INTERNATIONAL MTB JAMBOREE 2015

MYNIC telah mengambil bahagian sebagai rakan strategik bersama Kolej Komuniti Hulu Selangor dalam program International MTB Jamboree 2015 yang telah berlangsung pada 12 April 2015 sebagai usaha memperkenalkan program myBuddies.

Acara ini adalah penganjuran kali ke-2 oleh Kolej Komuniti Hulu Selangor dalam aktiviti sukan lasak berbasikal. Ia diilhamkan berdasarkan lokasi kolej tersebut yang terletak di Daerah Hulu Selangor yang terkenal dengan khazanah alam semulajadi yang masih terpelihara. Laluan mencabar sepanjang 35km disediakan oleh penganjur untuk setiap peserta lalui.



LARIAN SEHATI SEJIWA

Lebih daripada 5,000 peserta menyertai Larian Sehati Sejiwa pada 23 Ogos 2015 bertempat di Padang Merbok, Kuala Lumpur. Ia dianjurkan sempena sambutan Hari Kebangsaan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan MYNIC. Acara ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri KKMM, YB Dato' Jailani Johari.

Objektif utama adalah untuk meningkatkan semangat patriotik dan meningkatkan perpaduan antara rakyat Malaysia dengan lebih dekat bersama-sama melalui aktiviti sukan. Ia dianggap satu acara yang berjaya selepas jumlah peserta telah melebihi kuota nombor pendaftaran. Sambutan yang menggalakkan terhadap Larian Sehati Sejiwa menunjukkan semangat patriotisme yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia.

Acara ini menawarkan hadiah wang tunai untuk pemenang menjadi pembakar semangat peserta, di samping terdapat juga tarikan lain seperti photobooth gergasi di sepanjang laluan larian di mana setiap pelari dengan membawa Jalur Gemilang diminta untuk mengambil gambar secara selfie ataupun wefie di setiap lima checkpoint yang disediakan.

Selain daripada itu, 5 unit motosikal terdiri 1 x Yamaha Lagenda, 2 x Honda EX5 F1, & 2 x Honda Dash X2, 10 buah basikal dan 20 unit aksesori sukan telah diberikan kepada pemenang cabutan bertuah.

Para pemenang turut menerima hadiah berbentuk trofi, hamper dan sijil bagi tempat pertama, tempat kedua dan tempat ketiga. Manakala tempat keempat dan kelima menerima hadiah duit dan sijil. Manakala tempat keenam hingga tempat kesepuluh menerima hamper dan sijil.

Selain daripada aktiviti larian itu, terdapat juga aktiviti sampingan lain yang turut dijayakan untuk menghiburkan peserta dan orang ramai. Antaranya persembahan dari artis tempatan seperti Jay Jay, saya Neeta, Khalifah Busker, Didi Astilah dan Neves Pretty Ugly dan juga tarian Zumba.

BLOGSHOP



FIESTA BLOGSHOP 2015

Fiesta Blogshop 2015 telah mengambil tempat di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur, Dataran Medan Pasar pada 30 & 31 Ogos 2015. Majlis ini telah diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia dan ia telah dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama MYNIC.

Objektifnya adalah bertujuan untuk memberi peluang dan platform kepada pemilik perniagaan dalam talian untuk mempamerkan produk & perkhidmatan keluaran mereka kepada demografi spektrum yang lebih meluas. Ia merupakan perhimpunan yang unik bagi komuniti perniagaan dalam talian dan para pembeli di media sosial.

Program seumpama ini berpeluang menyediakan platform untuk peniaga-peniaga dalam talian bertemu dengan pelanggan mereka secara terus dan dapat melebarkan perniagaan mereka dan mengembangkan rantaian pelanggan-pelanggan baru serta memberikan pengalaman baru untuk mereka. Pada masa yang sama dapat memberi peluang untuk meraikan dan menikmati sambutan Hari Kebangsaan bersama-sama.

Antara keunikan lain *Fiesta Blogshop* adalah setiap peniaga ini akan mendapat dua nama domain .my untuk menggalakkan pembinaan laman web sendiri dan menjalankan perniagaan dalam *platform* atas talian secara aktif. Selain itu juga, MYNIC turut bekerjasama dengan komuniti social media MyGenggua untuk aktiviti *Insta Meet Photo Challenge* di mana peserta perlu menghantar gambar di Instagram mereka.

Acara ini berjaya mengumpulkan 150 peniaga dalam talian daripada seluruh Malaysia di satu lokasi tunggal untuk menjual produk mereka seperti hijab, pakaian, aksesori, perkhidmatan, *gadget*, makanan, minuman dan banyak lagi.

Selain pameran gerai jualan, MYNIC juga menyediakan pelbagai aktiviti lain untuk memeriahkan program kemerdekaan tahun ini. Antaranya adalah seperti persembahan pentas iaitu pertunjukan silap mata, cheer leader, No Noise Percussion, BB Boys Dance, Dance Hype, Marching Band, peragaan fesyen daripada selebriti terkenal tempatan, karaoke dan kuiz kemerdekaan. Peniaga *online* ini juga diberi peluang untuk mempromosikan produk mereka di atas pentas.

Terdapat juga penampilan istimewa dari artis tempatan iaitu Shukri Yahya dan Anzalna Nasir dan kehadiran pengacara jemputan yang terdiri daripada selebriti terkenal tempatan iaitu Sharifah Sakinah, Hunny Madu, Yasmin Hani dan Karl Shafek. Lebih 10,000 orang pengunjung telah menghadiri Fiesta Blogshop pada tahun ini.



MYNIC LANCAR *BISNES ONLINE BUNDLE*

MYNIC telah melancarkan *Bisnes Online Bundle* (BOB) pada 13 November 2015 di Wondermilk IOI City Mall. BOB direka untuk membantu perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan keperluan asas yang mudah. BOB ini memberikan kemudahan yang menarik apabila menawarkan nama domain, e-mel profesional, *web hosting* dan perlindungan antivirus dalam satu pakej.

Idealnya, melalui pakej ini ia membolehkan peniaga PKS untuk mengembangkan perniagaan mereka secara digital. Ini kerana dari statistik menunjukkan terdapat kira-kira 45,000 syarikat baru dan 350,000 perniagaan baru didaftarkan setiap tahun tetapi hanya satu daripada tujuh yang mengembangkan perniagaan mereka dalam talian.

Untuk pakej permulaan harga pengenalan sebanyak RM180 (termasuk GST) telah ditawarkan sehingga 31 Dec 2015. Para pelanggan boleh menikmati latihan pembangunan laman web menggunakan platform Wordpress dengan penambahan sebanyak RM100

PROGRAM BERSAMA KKMM



HARI SUKAN NEGARA

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menghidupkan Hari Sukan Negara secara serentak yang berlangsung pada 10 Oktober 2015 di seluruh negara, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mengambil inisiatif untuk turut mengambil bahagian dalam program tersebut. Justeru KKMM telah menganjurkan Hari Sukan Negara di peringkat Kementerian.

Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat KKMM ini telah diadakan di Dataran Gemilang, Putrajaya seawal 7.00 pagi. Semua agensi dan jabatan di bawah KKMM termasuk Menteri KKMM iaitu YB Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak dan Ketua Setiausaha KKMM, YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad telah bersama-sama mengambil bahagian dalam acara sukan KKMM ini.

MYNIC telah berjaya merangkul Booth Terbaik dan turut mememnangi dua daripada acara sukan yang dipertandingkan. Secara tidak langsung program ini dapat mendekatkan hubungan antara pihak Kementerian dan juga agensi-agensi di bawahnya.

PERTANDINGAN BOLING BERSAMA KKMM

MYNIC telah berjaya mengadakan pertandingan boling bersama warga Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Pertandingan tersebut telah berlangsung pada 22 Mei 2015 bertempat di Wangsa Bowl IOI City Mall, Putrajaya.

Pertandingan tersebut turut disertai oleh Menteri KKMM iaitu YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dan isteri serta Ketua-Ketua Jabatan dan agensi di bawah KKMM. Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menjadi johan pada malam itu, diikuti oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ditempat kedua dan tempat ketiga oleh KKMM.

ASIAN INTERNATIONAL FILM FESTIVAL & AWARDS 2015 (AIFFA 2015)

MYNIC telah menyertai *Asian International Film Festival & Awards 2015* (AIFFA 2015) dengan mengambil bahagian sebagai pempamer. Acara yang berlangsung selama 3 hari bermula 9 hingga 11 April 2015 ini menjadi satu platform yang baik untuk mempromosikan nama domain .my kepada pengunjung, terutamanya kepada pengamal media dan barisan artis Asia yang telah diadakan di Kompleks Pelancongan Sarawak, Kuching, Sarawak.

Kemuncak majlis ini adalah "Forum ASEAN-China Filem and Produksi Bersama Televisyen: Menggalakkan Pelancongan Serantau Melalui Filem" yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan industri filem dan pembuat keputusan utama pelancongan di Sarawak. Ia juga merupakan peluang yang baik untuk mempromosi dan membuat kesedaran untuk program dan produk di bawah MYNIC seperti *.myBuddies* kepada pengunjung yang hadir.

MEGA CAREER FAIR 2015

Buat pertama kalinya, MYNIC telah mengambil bahagian dalam *Mega Career Fair* yang dianjurkan oleh *Business Media International* dan *AIC Media Events Group*. *Mega Career Fair* telah diadakan di Pusat Pameran Mid Valley pada 21 hingga 23 Ogos 2015. Penganjuran *Mega Career Fair 2015* diadakan serentak dengan program *20th Post Graduate Education Fair 2015*.

Mega Career Fair 2015 adalah pameran kerjaya di Malaysia yang komited untuk memadankan bakat yang berpengalaman dengan peluang pekerjaan. Dan penyertaan MYNIC bertujuan untuk mengumpul resume kerana ia merupakan program yang ideal bagi individu yang sedang mencari peluang pekerjaan. Ini supaya MYNIC mempunyai satu resume bank bagi membuat persediaan untuk mengisi kekosongan baru atau penggantian pekerja.

